

Cetakan Pertama 2019

©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

**HIMPUNAN HUKUM: WAKAF (KOLEKSI KEPUTUSAN
JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG)**

Semakan dan Terbitan:

**JABATAN MUFTI NEGERI
PULAU PINANG**

Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown,
Pulau Pinang

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan:

**CAHAYA GEMILANG
ENTERPRISE**

No.15, (GF), Tkt. 1 & 2
Jalan Arowana 1
Kawasan Perniagaan Arowana
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

:



KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan	viii
Muqaddimah	1
Daerah Timur Laut (DTL)	
• Tanah Wakaf Kapitan Keling Bersendirian	4
• Projek di Atas Tanah Wakaf Masjid Alimsah	4
• Pemasangan Paip Najis di Atas Tanah Wakaf Perkuburan Masjid Jelutong	5
• Penyerahan Tanah Wakaf kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi Maksud Jalan Simpanan	6
• Kedudukan Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia di Atas Tanah Wakaf	6
• Projek Mencegah Banjir yang Melibatkan Tanah Wakaf	8
• Cadangan Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat (70 Unit) Atas Lot 537, Sek.2, Bandar Tanjong Tokong, DTL	9
• Fatwa Berkenaan dengan Wakaf Al-Mashoor yang Sekarang	9
• Kedudukan Tanah Wakaf yang Telah Dijadikan Kubur Kini Didirikan Rumah di Atasnya	10
• Wasiat Berkaitan Wakaf	12
• Permasalahan Tanah Wakaf	12
• Amanah Wakaf atau <i>Deed of Settlement</i>	13
• Pengambilan Balik Tanah di Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 279, 962, Seksyen 311, 2210, 2289, Seksyen 6, Bandar Georgetown	13
• Pengecualian Penyewaan Premis Wakaf di Lot 407, Jalan Perak, Jelutong, Pulau Pinang	14
• Cadangan Pembangunan Tanah Wakaf Masjid Kapitan Keling oleh Pelaburan Hartanah Bumiputera Bhd	14
• Cadangan Kutipan Wakaf Tunai bagi Pembangunan Tabung Dana Wakaf Pendidikan ISDEV (Wakaf Education Fund for ISDEV) atau WISDEV oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia	15
• Pembahagian Perolehan Wakaf bagi Tujuan Pengembangan Tuntutan Keperluan Semasa	16
• Permohonan Pembahagian Manfaat Amanah Wakaf Syeikh	16

- Eusoff bagi Pemajuan Tanah Lot 1396 dan 1606, Seksyen 5, Air Hitam, DTL, Pulau Pinang
- Cadangan Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf yang Tidak Dapat Dikenal Pasti Status Wakaf dan Asal Usul Pewujudan Wakafnya bagi Membeli Harta Kekal Berbentuk Tanah atau Bangunan bagi Melaksanakan *Istibdal* Harta Wakaf 17
 - Penentuan Status Hak Wakaf Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al-Mashoor di Atas Lot 1462, Seksyen 4, Bandar Georgetown, DTL 17
 - Penukaran Keputusan Jawatankuasa Fatwa Berkaitan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Masjid Negeri di Atas Sebahagian Lot 4762, Seksyen 5, Bandar Georgetown, DTL, Pulau Pinang untuk Tujuan Menaik Taraf Jalan Masjid Negeri Pulau Pinang kepada *Istibdal* 19
 - Kaedah Pelupusan Bahan-Bahan Binaan Wakaf 20
 - Status Sumbangan Dana Wakaf yang Tidak Dapat Dikenal Pasti Kategori Wakaf 21
 - Hukum *Istibdal* Tanah dan Harta Wakaf 21
 - Konsep Penggunaan Manfaat daripada Instrumen Wakaf Tunai Berdasarkan kepada Hasil Keuntungan 'Mudharabah' yang Diperolehi daripada Simpanan Tetap 'Fix Deposit' Wang daripada Sumber Wakaf 22

Seberang Perai Selatan (SPS)

- Tukar Ganti Harta Wakaf Lot 698 dan 703 kepada Lot 554, 555, 556 dan 557 di Mk. yang Sama 23
- Pemecahan Tanah Wakaf Qaryah Masjid Sungai Bakau, Nibong Tebal 24
- Pengambilan Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf di Lot PT 106, Mk. 15, SPS 24
- Pengambilan Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 580, Mk. 14, SPS 25
- Permohonan Mendapatkan Sebahagian dari Wang Pampasan Waris Keturunan Pewakaf Lot 4129, Mk. 9, Daerah SPS 25

- Permohonan Mendapatkan Panduan Pembahagian Hasil Wakaf Lot 1495, Mk. 10, Daerah SPS 26

Seberang Perai Tengah (SPT)

- Membina Rumah Wakaf untuk Madrasah Faqiah Daimiah, Permatang Pauh di Atas Lot 974 27
- Cadangan Pemajuan di Atas Tanah-Tanah Wakaf yang Mempunyai Surat Amanah Lot 737-745 Bukit Mertajam dan Lot 1396 & 1397 28
- Cadangan Pemajuan di Atas Tanah-Tanah Wakaf yang Mempunyai Surat Amanah Lot 737-745 Bukit Mertajam dan Lot 1396 & 1397 29
- Pandangan dan Ulasan Mengenai Penyelesaian Pinjaman Rumah di Atas Lot 1009 dan 1012 Mk. 9 untuk Diwakafkan kepada Masjid Bagan Ajam, Butterworth 30
- Jenis Wakaf Tanah Lot 1065, Mk. 4, SPT 30
- Mendirikan Sekolah Agama Rakyat di Atas Tanah Wakaf Lot 1323, Mk. 14, SPT 31
- Pelaksanaan Konsep *Istibdal* bagi Permohonan Pemajuan Perumahan Secara Usahasama oleh Pansprint Consolidated Sdn. Bhd. Atas Tanah Wakaf Perkuburan di Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT 32
- Penggunaan Sumber Hasil Wakaf bagi Tujuan Melaksanakan Projek Pembangunan 14 Unit Rumah Kediaman di Atas Tanah Wakaf Lot 192 Mk.1, SPT 32
- Permasalahan Pajakan Premis di Atas Tanah Wakaf bagi Cadangan Usahasama Pembangunan Tanah Wakaf Lot 1444, Mk. 4, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang 33
- Pembelian Tanah Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam dengan Menggunakan Wang Hasil Jualan Tanah Wakaf Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT 34
- Penukaran Syarat Tanah Wakaf di Atas Lot 1575, Mk. 15, SPT 34
- Membeli Tanah Wakaf Atas Lot 738, Mk. 21, SPT (Lot 1273, Lot 1274, Lot 1275 dan Lot 1276) dengan Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah 35

(Istibdal)

- Pengambilan Balik Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Tanah Wakaf di Lot 615, Mk. 7 SPT 35
- Kaedah Pembahagian Hasil Wakaf Setee Aisah di Atas Lot 1444, Mk. 4, Seberang Jaya, SPT, Berdasarkan Amanah Pewakaf 35
- Status Wakaf Lot 615, 619, dan 614, Mk. 9, SPT 36
- Permohonan untuk Mengesahkan Status Wakaf Atas Lot 224, Mk. 12, Bukit Kecil, Juru, SPT 36
- Status Tapak Masjid Timah Lot 559, Mk. 6, SPT 38
- Memohon Panduan bagi Tujuan Pengagihan Sumber Wakaf Am bagi Masjid Kapitan Bersendirian (MKKB) Rumah Pangsa Kedersah (RPKS), Dana Wakaf Lebu Chulia (DWLCH) dan Dana Wakaf Bandar Perda (DWBP) 38
- Status Wakaf Tanah Lot 1065 Mk.4, SPT 39
- Syarat Pewakaf bagi Tujuan Pembinaan Masjid di Atas Tanah Lot 737, 739, 740, 741, 742, 743, 744, 745, dan 1152, Mk. 10, Daerah SPT (Bukit Mertajam) yang Terletak di Kawasan Persekitaran Penduduk Bukan Beragama Islam 39
- Status Keuntungan Hasil Jualan Pajakan bagi Projek Usahasama Pembangunan Lot 192, Mk. 1, Daerah SPT (Wakaf Haji Mohamad Hashim) 40
- Membangunkan Pusat Pendidikan Islam di Atas Tanah Wakaf Seetee Aisah Fasa 2, SPT, Pulau Pinang 41

Daerah Barat Daya (DBD)

- Tanah Lot untuk Dijadikan Tanah Wakaf 42
- Tanah Wakaf Masjid Kampung Perlis, Balik Pulau 42
- Tanah Pegangan No. 1798 dan 1799 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang 42
- Tanah Pegangan Lot No. 1798 dan 1799 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang 43
- Penggunaan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf bagi Membeli Lot 126, Mk. 3, (Sungai Rusa), DBD 44
- Status Pewakafan Tanah Lot 1093 dan 1094 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang 44

- Membina Rumah Kakitangan di Atas Tanah Wakaf Lot 216, Mk. B (Sungai Rusa), DBD 45
- Amanah bagi Tanah Lot 1799, Mk. 12, DBD yang Diwakaf oleh Hajah Shariah Binti Hj Hassan 45
- Pembahagian Manfaat Amanah Wakaf Siti dan Hajah Norijah serta Permohonan Pembahagian Hasil Wakaf bagi Pembangunan Tanah Lot 1093 dan 1094 Mk.12, DBD Pulau Pinang 46

Seberang Perai Utara (SPU)

- Pengambilan Milik Tanah untuk Membina Tali Air di Kawasan Pasir Gebu SPU 47
- Tanah Wakaf Butterworth dan Lot 694, Mk.4, SPU 47
- Wang Kutipan Membina Masjid Baharu bagi Kawasan Lahar Ikan Mati, SPU 47
- Garis Panduan Pemajuan Tanah-Tanah Wakaf, Zakat dan Baitulmal - Pandangan-Pandangan dari Segi Hukum Syarak 48
- Fatwa Mengenai Kedudukan Harta Pesaka Hajee Mohamed Joosoh, Si Mati Tanah Wakaf Lot 1712 Mk. 1, SPU 49
- Pengambilan Balik Tanah Wakaf di Sebahagian Lot 936 49
- Pengambilan Balik Tanah Wakaf Sebahagian Lot 315, GM 710, 316, 717, GM 284 dan 2006, Mk.16, SPU untuk Tujuan Awam-Projek Tebatan Banjir 50
- Pengambilan Balik Tanah Wakaf Lot 496, GM 121, Mk. 16, SPU Seluas 1.131 Ekar oleh Perda untuk Tujuan Pembangunan Kampung Teluk, Sungai Dua, SPU 50
- Mendirikan Tadika Islam di Atas Tanah Wakaf Lot 121, Mk. 7, SPU 51
- Status Pemilikan Faedah Atas Tanah Wakaf Lot 717, Mk. 16, SPU 52
- Pengambilan Balik Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Wakaf 52
- Memajak Tanah Wakaf Atas Lot 418, Mk. 12, SPU untuk Mengusaha Tanaman Kelapa Sawit 53
- Pembinaan Pusat Pengajian Islam dan Al-Quran di Atas Tanah Wakaf Lot 693, Mk. 4, Penaga, SPU 53

- *Istibdal* Bahagian Tanah Wakaf (Tapak Surau dan Bangunan Surau) Atas Lot 377, Mk. 13 Ara Kuda, Daerah SPU 54
- Pengambilan Balik Tanah Wakaf di Atas Sebahagian Lot 3462, Mk. 16, Sungai Dua, Daerah SPU untuk Tujuan Awam iaitu Projek Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor, Daerah SPU, Pulau Pinang 54
- Status Wakaf bagi Lot 1398 (Lot Baru 4112), Mk. 5, Daerah SPU 55
- Pewartaan Fatwa Mengenai Pengesahan Status Penjualan Tanah Wakaf bagi Lot 244, Mk. 10, Permatang Sungai Dua, Daerah SPU, Pulau Pinang dan Status Pendaftaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Sebagai Pemilik Berdaftar bagi Lot Tanah Berkenaan Pada Masa Kini 56
- Mendapatkan Panduan Penentuan Pewakaf, Kategori Wakaf, Lafaz Wakaf (Sighah) dan *Syurutul Wakif* (Syarat Pewakaf) serta Penyaluran Hasil bagi Lot 6247 dan 6249, Mk. 7, SPU 56
- Menambun Tanah di Atas Tanah Wakaf Masjid Bakar Kapor di Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU dan Cadangan Menjadikan Separuh Daripadanya Sebagai Tapak Kubur 57
- Mewakafkan Tanah dan Rumah oleh Puan Hajah Salmiah binti Hj. Abu Bakar, Atas Lot 3945, Mk. 4, SPU 58
- Cadangan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Perkuburan di Atas Sebahagian Lot 3857 (GM 2786), Mk. 3 Daerah SPU untuk Tujuan Awam 59

KATA ALU-ALUAN MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah ﷻ kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat menghasilkan satu penerbitan kompilasi pandangan hukum khusus berkaitan dengan Wakaf. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada urus setia penerbitan yang berusaha mengumpul segala keputusan atau pandangan hukum berkaitan wakaf yang telah diputuskan oleh Jawatakuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dari tahun 1969 hingga 2018.

Wakaf merupakan suatu tuntutan yang amat berperanan dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Amalan wakaf ini telah wujud sejak dari zaman Rasulullah ﷺ lagi dan ia diikuti oleh para sahabat dan berterusan sehinggalah ke hari ini.

Selain itu, masyarakat juga harus mengetahui bahawa harta yang telah diwakafkan itu merupakan hak Allah ﷻ yang tidak boleh dimiliki, dijual, diwarisi atau dihebahkan kepada sesiapa pun. Para pewakaf akan memperolehi ganjaran yang berterusan selagimana ianya diguna dan dimanfaatkan.

Buku **Himpunan Hukum : Wakaf** ini diterbitkan agar masyarakat dapat mengetahui dan memahami beberapa persoalan berkaitan wakaf yang telah berlaku di Pulau Pinang. Secara tidak langsung juga membantu masyarakat mengetahui serba sedikit berkaitan tempat-tempat yang telah diwakafkan oleh masyarakat Pulau Pinang.

Akhir kata, didoakan semoga usaha yang kecil ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat. Bersama-samalah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah ﷻ.

Sekian.



DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

MUQADDIMAH

Wakaf merupakan salah satu cara ibadah atau cara menghampirkan diri kepada Allah ﷻ (taqarrub ila Allah) menerusi harta kekayaan. Wakaf juga merupakan salah satu ibadah yang awal di dalam Islam yang dianjurkan oleh syarak.

Wakaf memainkan peranan utama dalam permulaan sejarah tamadun Islam untuk meningkatkan ekonomi serta memberikan hak kepada golongan tertentu seperti fakir miskin, anak yatim dan juga pembinaan masjid, surau, madrasah, tahfiz, asrama anak yatim serta tanah perkuburan. Sistem wakaf dikembangkan lagi melalui ijtihad ulama' berdasarkan kepada istinbat hukum mengikut realiti dan kesesuaian maslahat semasa.

Wakaf merupakan satu amalan yang dianjurkan serta dipraktikkan sejak daripada zaman Baginda Rasulullah ﷺ lagi. Ia bertitik tolak daripada galakan al-Quran dan al-Sunnah agar berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan. Allah ﷻ menyebut betapa besarnya ganjaran bagi mereka yang membelanjakan harta untuk mendapat keredaan-Nya. Firman Allah ﷻ:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

[البقرة: 261]

Maksudnya: *Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. [al-Baqarah:261]*

Allah ﷻ juga berfirman:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ
[آل عمران. : 92]

Maksudnya: *Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya. [Ali-'Imran:92]*

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya: *Jika seorang manusia mati maka terputuslah daripadanya amalnya kecuali dari tiga (3) perkara; dari sedekah jariah atau ilmu yang diambil manfaatnya atau anak soleh yang mendoakannya. (Riwayat Muslim (4310), al-Tirmizi (1376) dan al-Nasa'ie (3651))*

Imam al-Nawawi berkata: Maksud sedekah jariah dalam hadis di atas ialah amalan wakaf. Hadis ini juga menjadi dalil sahnya amalan berwakaf serta ganjarannya yang besar. (*Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj, 3/89*).

Para ulama' menyebut sedekah jariah ditafsirkan sebagai wakaf disebabkan pahalanya yang terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya.

Kata Imam al-Khatib al-Syarbini: Sedekah jariah ditafsirkan sebagai wakaf oleh para ulama' sepertimana disebut oleh al-

Rafi'i kerana sedekah yang selainnya tidak berterusan mengalir (pahalanya). (*Mughni al-Muhtaj* oleh al-Khatib al-Syarbini, 10/87).

Oleh itu, jelaslah wakaf mempunyai keutamaan serta kelebihan yang besar dalam Islam. Ia adalah satu bahagian yang amat penting dalam kehidupan ekonomi umat Islam. Konsep wakaf ini telah wujud sejak dari zaman Rasulullah ﷺ lagi dan ia diikuti oleh para sahabat dan berterusan sehinggalah ke hari ini. Harta yang diwakafkan itu merupakan hak Allah ﷻ yang tidak boleh dimiliki, dijual, diwarisi atau dihebahkan kepada sesiapa pun. Ganjaran pahala bagi mereka yang berwakaf akan terus mengalir selagimana ianya diguna dan dimanfaatkan.

Justeru di dalam buku **Himpunan Hukum: Wakaf** ini, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengumpulkan beberapa fatwa berkaitan wakaf berdasarkan persoalan-persoalan yang diajukan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

Semoga himpunan fatwa ini memberi kefahaman kepada kita tentang konsep wakaf serta betapa perlu ummah untuk memahami konsep wakaf dengan lebih besar lagi sesuai dengan sifat keanjalan Islam dan kesejagatan ummah.

DAERAH TIMUR LAUT (DTL)

Tanah Wakaf Kapitan Keling Bersendirian

Keputusan:

1. Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa tanah wakaf Masjid Kapitan Keling bersendirian adalah wakaf am berdasarkan alasan berikut:
 - i. Tidak ditentukan tujuan penggunaannya.
 - ii. Syarat bagi hasil itu bertentangan dengan kehendak syarak.
2. Oleh itu, tanah wakaf Masjid Kapitan Keling bersendirian adalah wakaf am dan harus dibuat pembangunan.

(9 Mac 1982)

Projek di Atas Tanah Wakaf Masjid Alimsah

Keputusan:

Jawatankuasa Syariah berpendapat memindahkan masjid dari tempat asalnya dan dibangunkan di atas bangunan yang tinggi walaupun di atas tapak yang asal, tidak boleh di sisi hukum syarak sebagaimana tersebut:

تنبيه: لا يجوز تغيير شيء من عين الوقف ولو لارفع منها فان شرط الواقف العمل بالمصلحة اتبع شرطه وقال السبكي يجوز تغيير الوقف بشروط ثلاثة ان لا يغير مسماه، وان يكون مصلحة له كزيادة ريعه، وان لا تزال عينه فلا يضر نقلها من جانب إلى آخر...

Maksudnya:

Tidak harus menukar/mengubah sesuatu daripada 'ain (bangunan) wakaf sekalipun untuk perubahan yang lebih baik.

Jika pewakaf meletakkan syarat untuk tujuan masalah (penambahbaikan), maka hendaklah diikuti syarat tersebut. Menurut (Imām) As-Subki harus menukar ('ain/barang) wakaf dengan tiga (3) syarat iaitu:

- 1. Tidak boleh mengubah status namanya.*
- 2. Hendaklah perubahan itu bagi tujuan kemaslahatan wakaf seperti menambah nilainya.*
- 3. Hendaklah tidak menghilangkan 'ain (fizikal) wakaf. Tidak menjadi halangan jika sekadar mengubahnya ke posisi yang lain.*

(21 Jun 1982)

Pemasangan Paip Najis di Atas Tanah Wakaf Perkuburan Masjid Jelutong

Keputusan:

Menurut hukum syarak setiap wakaf yang telah ditentukan tujuannya tidak boleh dilakukan sesuatu selain dari yang telah disyaratkan. Masalah tanah wakaf Jelutong telah ditentukan tujuannya bagi tanah perkuburan malah tidak harus dibuat sesuatu di atasnya kecuali sebagai tanah kubur.

Ahli-ahli Jawatankuasa bersetuju membenarkan pemasangan pembentung berdasarkan kepada nas berikut:

(وَلَوْ شَرَطَ) أَي: الْوَاقِفُ (شَيْئًا) يُقْصَدُ كَشَرَطِ أَنْ لَا يُوجَرَ مُطْلَقًا، أَوْ إِلَّا كَذَا كَسَنَةِ، أَوْ أَنْ يُفْضَلَ بَعْضُ الْمَوْقُوفِ عَلَيْهِمْ عَلَى بَعْضٍ وَلَوْ أَنْتَى عَلَى ذَكَرٍ أَوْ يُسَوَّى بَيْنَهُمْ، أَوْ اخْتِصَاصٍ نَحْوَ مَسْجِدٍ كَمَدْرَسَةٍ وَمَقْبَرَةٍ بِطَائِفَةٍ كَشَافِعِيَّةٍ (أُتْبِعَ) شَرْطُهُ فِي غَيْرِ حَالَةِ الضَّرُورَةِ كَسَائِرِ شُرُوطِهِ الَّتِي لَمْ تُخَالِفِ الشَّرْعَ، وَذَلِكَ لِمَا فِيهِ مِنْ وُجُوهِ الْمَصْلَحَةِ.¹

¹ *Fathul Muin*, hlm. 413, cetakan Dar al-Faiha'q Dimasyq.

Juga pemasangan pembedung itu adalah satu perkara yang mesti bagi melaksanakan pembangunan yang sempurna dan juga untuk tujuan kesihatan dan kemudahan umum.

(14 Disember 1982)

Penyerahan Tanah Wakaf kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi Maksud Jalan Simpanan

Keputusan:

Setelah membincangkannya dengan panjang lebar, mesyuarat telah bersetuju memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan itu seperti berikut:

1. Majlis boleh menyerahkan tanah wakaf seluas kira kira 1,157 kaki persegi kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tujuan pembinaan pembesaran jalan untuk kepentingan umum.
2. Bayaran ganti rugi itu ialah dalam bentuk wang tetapi ianya tidak boleh dibelanjakan oleh Majlis selain daripada untuk membeli tanah sebagai ganti tanah yang telah diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran itu.

(3 Julai 1986)

Kedudukan Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia di Atas Tanah Wakaf

Keputusan:

Merujuk kepada surat Pusat Islam Universiti Sains Malaysia bertarikh 18hb. Ogos 1988 dan 16hb. November 1988 (ulangan) yang akan dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis dan dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah untuk mendapat pandangan dalam hal kemusykilan mengenai perkara tersebut. Jawatankuasa Syariah memutuskan:

1. Menurut jawapan yang diberi oleh Jabatan ini dalam surat bertarikh 23.6.1987 (rujuk: (25) dlm. MUIPP 1.0187) kepada Setiausaha Lembaga Hal Ehwal Islam USM disebutkan "tanah tapak masjid tersebut perlu diwakafkan menurut kehendak Seksyen 105 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang".
2. Apabila timbul permohonan untuk dikecualikan daripada mewakafkan tanah tapak masjid serta tapak perkuburan, Jawatankuasa Syariah berpendapat, terpulanglah kepada pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengaturkan pindah milik tanah kepada Majlis atau tidak.
3. Dalam keadaan umum, biasanya tanah tapak masjid atau tanah perkuburan itu dipastikan dahulu ianya benar-benar diwakafkan sebelum masjid dibina dan sebelum tanah kubur digunakan supaya tidak timbul masalah yang menjejaskan kepentingan masjid atau tanah perkuburan yang digunakan oleh masyarakat Islam pada masa akan datang.
4. Keadaan tanah wakaf tapak masjid dan perkuburan USM sebenarnya ditadbirkan oleh pihak USM; hanya apabila telah pasti ianya diwakafkan, sesuatu keadaan yang akan berlaku mengganggu kaedah syarak di atas tanah tersebut sama ada setelah dipindah milik atau tidak kepada Majlis, Majlis berhak dan berkuasa campur tangan sebagai pemegang amanah harta wakaf menurut hukum syarak dan memelihara kepentingan ahli qaryah USM sendiri.

(13 Disember 1988)

Projek Mencegah Banjir yang Melibatkan Tanah Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan:

1. Melaksanakan projek tersebut di atas tanah wakaf berkenaan, hukumnya harus (dibolehkan).
2. Keputusan tersebut berdasarkan kaedah:

تصرف الأمام على الرعية منوط بالمصلحة.

Maksudnya: *Pentadbiran pemerintah ke atas masalah rakyat bergantung kepada masalah (keperluan yang menghasilkan kebajikan).*

dan juga kaedah:

الحاجة تنزل منزلة الضرورة.

Maksudnya: *Keperluan menduduki tempat darurat (keadaan terpaksa).²*

3. Menurut pendapat As-Subki: Harus diubah (dipindah) syarat bagi sesuatu wakaf untuk *masalah* (keperluan dan faedah) wakaf itu sendiri.³
4. Syarat-syarat asal wakaf wajiblah diikuti kecuali dalam keadaan darurat yang tidak berlawanan dengan syarak terutama yang ada *masalah* (keperluan dan faedah) daripadanya.⁴
5. Ganti rugi yang diperolehi daripada pelaksanaan projek tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun wakaf untuk membeli tanah ganti untuknya jika mungkin.

(8 November 1989)

² *Asybah wan Nazoir*, hlm. 97&124.

³ *Nihayah az-Zain*, hlm.273.

⁴ *I'annah at-Tholibin*, hlm.169.

Cadangan Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat (70 Unit) Atas Lot 537, Sek.2, Bandar Tanjong Tokong, DTL

Keputusan:

Sahibus Samahah Datuk Mufti berpendapat jika terdapat hanya empat (4) kubur di atas tanah tersebut, kubur-kubur yang ada boleh dipindahkan. Walau bagaimanapun, sekarang terdapat bantahan kerana ada 100 kubur. Mengikut hukum syarak tanah-tanah yang ada kubur adalah dikira wakaf walaupun tiada surat cara yang menunjukkan ianya wakaf. Sekiranya ada mayat ditanam, maka tentu ada orang yang mewakafnya. Dari segi hukum syarak jika ada pembelian tanah wakaf, maka pembelian tersebut tidak sah kecuali bahagian tanah yang bukan ditanam mayat. Walau bagaimanapun keputusan sama ada tanah tersebut wakaf atau tidak tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Syariah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang

(23 Mac 1991)

Fatwa Berkenaan dengan Wakaf Al-Mashoor yang Sekarang

Keputusan:

Jawatankuasa Syariah setelah melihat keputusan Ahli Jawatankuasa Syariah daripada minit mesyuarat pada 9 November 1977 telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

1. Dengan tertakluk kepada syarat-syarat wakaf itu, maka bolehlah dipindah milik dengan bertujuan pindah kuasa tadbir nazir di atas tanah wakaf itu.
2. Mengikut mazhab Syāfi'ī, tidak diharuskan tetapi mengikut mazhab Hanafi, dibolehkan kerana ada *masalah*.

Wakaf Maahad Al-Mashoor lama yang telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat itu adalah wakaf dan wang pampasan yang diberikan itu adalah wakaf juga dan Maahad yang didirikan dan ditubuhkan pada 1 Februari 1993 adalah sebagai wakaf gantian (*istibdal*), maka segala wakaf yang berbentuk wang, tanah atau kedai sebagainya yang dipegang oleh pemegang amanahnya bolehlah (harus) dibelanjakan atau dipulangkan kepada wakaf Maahad Al-Mashoor Al-Islami sekarang. Keputusan ini adalah sebulat suara dan dirujuk kepada Majlis untuk mendapat perakuan dan persetujuan oleh kerana Jawatankuasa ini mengambil pendapat daripada *qawl* yang daif dalam mazhab Syāfi'ī.

(28 September 1993)

Kedudukan Tanah Wakaf yang Telah Dijadikan Kubur Kini Didirikan Rumah di Atasnya

Keputusan:

1. Mengikut kebiasaan mayat tidak akan ditanam di satu-satu tempat melainkan tempat itu telah dijadikan tanah wakaf oleh pihak-pihak yang tertentu. Maka dengan tertanamnya mayat-mayat orang Islam di tempat tersebut, maka tanah itu bolehlah dianggap tanah wakaf kecuali bukti yang menunjukkan sebaliknya. Jika tidak ada bukti sebaliknya, maka tetaplah tanah itu dianggap tanah wakaf am, iaitu tanah wakaf perkuburan orang Islam. Oleh itu, sesiapa pun juga orang Islam yang mati, jenazahnya bolehlah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut. Dengan kaedah tersebut di atas bolehlah dianggap bahawa tanah itu tanah wakaf am untuk perkuburan.
2. Apabila tuan tanah itu mengisytiharkan bahawa tanahnya adalah wakaf untuk Masjid Pulau Mertajam maka jelaslah bahawa tanah itu adalah tanah wakaf untuk Masjid Pulau

Mertajam, maka wakaf itu adalah wakaf am untuk masjid itu. Segala hasil dan faedah daripada tanah itu hendaklah diberikan kepada masjid itu dan pengisytiharan tuan tanah itu yang mana ia (Tuan Haji Hamis bin Haji Ishak dan Lebai Omar bin Senawi) itu adalah pengisytiharan yang dianggap terbatal kerana *wakif* itu iaitu Encik Abu Bakar tidak boleh melantik diri sendiri sebagai nazir amanah tanahnya sendiri, juga tidak boleh mengambil hasil dan faedah dari tanah wakaf itu untuk dirinya dan juga menjadi nazir amanah tanah itu. Ianya adalah untuk kepentingan masjid dan *masalahnya* semata-mata.

3. Wakaf yang sedemikian adalah wakaf untuk kebajikan masjid, tidak untuk diri *wakif* sendiri. Hanya *wakif* itu boleh menggunakan wakaf itu untuk kepentingannya dalam perkara yang terhad sahaja. Itupun di dalam perkara tertentu sahaja seperti sembahyang di masjid yang diwakafkan olehnya atau mendapat faedah secara umum seperti boleh meminum air daripada telaga yang telah diwakafkan kepada orang Islam sepertimana yang dilakukan oleh Saidina Osman bin Affan yang mana Saidina Osman juga ada meminum air dari telaga yang diwakafkan itu, iaitu *bi'ru rumah* (telaga rumah) di Madinah tetapi berbeza dengan *wakif* ini yang mana menggunakan faedah daripada tanah wakaf untuk diri sendiri. Maka kiranya ada bukti bahawa dia menggunakan faedah itu seperti wang dari sewa tanah atau sewa rumah maka hendaklah dipulangkan segala faedah itu kepada masjid yang dimaksudkan dalam pengisytiharannya itu.
4. Berkenaan dengan rumah-rumah yang dibina di atas kubur-kubur itu maka perbuatan itu adalah haram maka hendaklah diruntuhkan. Kawasannya hendaklah dipagar dan

diletakkan papan tanda "Ini adalah wakaf tanah kubur orang Islam" dan tidak boleh dicerobohi, dijual, dihebah atau diwarisi. Ianya kekal menjadi tanah wakaf perkuburan sampai bila-bila.

(21 Mac 1994)

Wasiat Berkaitan Wakaf

Keputusan:

Jawatankuasa telah memutuskan bahagian-bahagian wakaf khas orang yang telah mati terdiri daripada Syed Syeikh, Syed Omar dan Syed Ali adalah terluput dan yang masih kekal pembahagian wakaf itu hanya untuk Syed Othman sahaja. Maka peruntukan pampasan di waktu itu adalah tertakluk kepada Peruntukan Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang sedia ada (1959).

(Mac 1995)

Permasalahan Tanah Wakaf

Keputusan:

Jawatankuasa mendapati bahawa pengambilan tanah itu adalah mengikut hukum syarak dan jika tuan tanah mendapat pampasan ianya dikira mengikut pasaran berpandukan kepada teks.

المصلحة الكلية مقدمة على المصلحة الجزية وأن الضرر الخاص يحتمل لدفع
الضرر العام.

ترجمهن:

مصلحة عموم هندقلة ددهولوي كأتس مصلحة يثع بهاكين دان سسوغكوهش
كموضراتن يثع خاص هندقلة دامبيل كيرا باكي منولك كموضراتن عموم.

(24 Julai 1995)

Amanah Wakaf atau *Deed of Settlement*

Keputusan:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan bahawa syarat tersebut tidak bercanggah dengan apa yang hendak dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang iaitu dengan membina lima (5) tingkat bangunan dan di atasnya masjid adalah tidak bercanggah dengan amanah tersebut. Sebabnya dengan pembinaan tersebut tidak menghalang orang-orang Islam bersolat jemaah di *mauquf* itu.
2. Jika syarat wakaf itu hanya tempat orang solat, dan ia tidak bercanggah dengan fatwa tahun 1989 maka syarat *waqif* itu bukannya diubah wasiat itu,⁵ tetapi untuk meluaskannya sahaja tempat bersolat jemaah itu.
3. Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa tidak ada apa-apa halangan untuk menerima pandangan dan cadangan hakim ini dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum syarak serta fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1989 itu.

(1 Disember 1995)

Pengambilan Balik Tanah di Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 279, 962, Seksyen 311, 2210, 2289, Seksyen 6, Bandar Georgetown

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan pengambilan tanah wakaf yang terlibat dengan projek tebatan banjir Sungai Pinang Fasa 2 oleh pihak berkuasa negeri.
2. Mesyuarat juga memberi pandangan agar pihak Majlis dapat menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah

⁵ *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, juzuk 8, *Hidayah as-Syarhu Bidayah*.

wakaf ini untuk tujuan membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dan hasilnya hendaklah dikembalikan kepada tujuan asal tanah wakaf yang diambil balik itu mengikut sahamnya.

(30 April 2002)

Pengecualian Penyewaan Premis Wakaf di Lot 407, Jalan Perak, Jelutong, Pulau Pinang

Keputusan:

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan kadar bayaran sewaan premis wakaf di Lot 407, Jalan Perak, Jelutong, Pulau Pinang sebanyak RM1,100.00 dan dilaksanakan seperti hasrat pewakaf untuk mendapatkan hasil.
2. Mesyuarat turut menyarankan agar pihak bertanggungjawab menjalankan siasatan lanjut berkaitan kewujudan kubur di belakang bangunan tersebut terlebih dahulu.

(25 Mei 2002)

Cadangan Pembangunan Tanah Wakaf Masjid Kapitan Keling oleh Pelaburan Hartanah Bumiputera Bhd

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan:

1. Konsep pembangunan yang dicadangkan oleh PHBB tidak bercanggah dengan syarak.
2. Tanah wakaf tersebut tidak boleh dicagarkan.
3. Konsep yang dicadangkan hendaklah lebih memberi keuntungan dari konsep pembangunan yang sedang dilaksanakan.

(9 Julai 2007)

Cadangan Kutipan Wakaf Tunai bagi Pembangunan Tabung Dana Wakaf Pendidikan ISDEV (Wakaf Education Fund for ISDEV) atau WISDEV oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2008 yang bersidang pada 16 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai cadangan kutipan wakaf tunai bagi Pembangunan Tabung Dana Wakaf Pendidikan ISDEV (Wakaf Education Fund for ISDEV) atau WISDEV oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Meluluskan cadangan kutipan wakaf tunai bagi tujuan pembangunan tabung dana wakaf pendidikan ISDEV, USM.
2. Hasil dari kutipan wakaf tunai itu hendaklah dibelanjakan kepada perkara-perkara yang kekal.
3. 70% dari hasil kutipan wakaf tunai itu boleh digunakan untuk pembelian perkara-perkara yang kekal sahaja. Lafaz akad wakaf tunai itu diputuskan seperti berikut:

"Saya wakilkan kepada ISDEV untuk mewakafkan 70% dari wang ini sebagai wakaf am kerana Allah ﷻ."

4. 30% dari hasil kutipan wakaf tunai itu tidak menjadi wakaf kerana ianya dibelanjakan kepada perkara-perkara yang tidak kekal.

(16 Oktober 2008)

Pembahagian Perolehan Wakaf bagi Tujuan Pengembangan Tuntutan Keperluan Semasa

Keputusan:

Jawatankuasa Fatwa bersetuju dengan cadangan pembahagian perolehan wakaf mengikut pembahagian yang dicadangkan tertakluk kepada keperluan pengurusan dari semasa ke semasa. (Catatan: perlu dimasukkan cadangan pembahagian perolehan wakaf tersebut).

(22 Oktober 2009)

Permohonan Pembahagian Manfaat Amanah Wakaf Syeikh Eusoff bagi Pemajuan Tanah Lot 1396 dan 1606, Seksyen 5, Air Hitam, DTL, Pulau Pinang

Keputusan:

Berdasarkan cadangan pembahagian manfaat amanah wakaf Syeikh Eusoff bagi pemajuan tanah Lot 1396 dan 1606, Seksyen 5, Air Hitam, DTL, Pulau Pinang oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan amanah pewakaf iaitu Allahyarham Syeikh Eusoff bin Syeikh Latiff. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bolehlah bergabung bersama waris Syeikh Eusoff bagi melaksanakan amanah wakaf tersebut iaitu waris Syeikh Eusoff sebagai rakan kongsi mengurus harta wakaf berkenaan.
2. Kaedah pilihan 1 dan pilihan 3 (Merujuk cadangan yang dikemukakan Bahagian Wakaf, MAINPP) boleh digabungkan dan dikecilkan bahagian pihak waris mengikut pertimbangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
3. Unit rumah yang diagihkan kepada pihak keluarga Syeikh Eusoff hanyalah untuk didiami sahaja dan bukanlah untuk dimiliki serta tidak dibenarkan untuk disewakan berdasarkan hasrat dan amanah pewakaf.

4. Jumlah unit yang akan diberikan kepada pihak keluarga Syeikh Eusoff bolehlah ditentukan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
5. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bolehlah membayar kepada pihak keluarga Syeikh Eusoff sebagai upah di atas usaha mereka membantu pihak *mutawalli* bagi mentadbir harta wakaf tersebut.

(2 Disember 2015)

Cadangan Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf yang Tidak Dapat Dikenal Pasti Status Wakaf dan Asal Usul Pewujudan Wakafnya bagi Membeli Harta Kekal Berbentuk Tanah atau Bangunan bagi Melaksanakan *Istibdal* Harta Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah wakaf yang tidak dapat dikenal pasti status wakaf dan asal usul pewujudan wakafnya bagi membeli harta kekal berbentuk tanah atau bangunan bagi melaksanakan *istibdal* harta wakaf dan dijadikan sebagai wakaf am.

(2 Disember 2015)

Penentuan Status Hak Wakaf Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al-Mashoor di Atas Lot 1462, Seksyen 4, Bandar Georgetown, DTL

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2016 yang bersidang pada 8-9 Jun 2016 telah membincangkan mengenai penentuan status hak wakaf Sekolah Menengah

Kebangsaan Agama (Perempuan) Al-Mashoor di atas Lot 1462, Seksyen 4, Bandar Georgetown, DTL. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Status hak wakaf Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al-Mashoor di atas Lot 1462, Seksyen 4, Bandar Georgetown, DTL adalah sebagai wakaf khas.
2. Menurut Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004:

Seksyen 89. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah

Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—

- (a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- (b) semua nazr am; dan
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr 'am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Pulau Pinang.

3. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai pemegang amanah yang tunggal hendaklah mengambil alih untuk mentadbir premis berkenaan serta hendaklah melaksanakan hasrat pewakaf iaitu:
 - a) *Deed of Conveyance* 1097/92 - 23.10.57, pewakaf K.M.S Sultan Allaudin dengan tujuan wakaf "***Sekolah Agama Awam yang Dipanggil Sekolah Islam dan Asrama Almash-Hoor untuk Perempuan...***"
 - b) Pemegang amanah terdahulu Shaikh Hassan bin Mohamed Badjenid, Haji K.S.M. Ismail S/O Haji Sultan Alaudin, K.S. Mohamed Ariff S/O Sultan Alaudin, K.S. Ebrahim,

Abdul Rahim Noor @ E.P.M Abdul Rahim A/L Haji E.P. Mohamad Noordin dan Haji Yusof bin Haji Abdullah telah membuat pindah milik tanah kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian Persekutuan pada 25 Jun 1982 untuk ***Tujuan Wakaf Almashoor Iaitu Mengajar Al-Quran, Ugama Islam dan Bahasa Arab.***

(8 Jun 2016)

Penukaran Keputusan Jawatankuasa Fatwa Berkaitan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Masjid Negeri di Atas Sebahagian Lot 4762, Seksyen 5, Bandar Georgetown, DTL, Pulau Pinang untuk Tujuan Menaik Taraf Jalan Masjid Negeri Pulau Pinang kepada *Istibdal*

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan menukarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa berkaitan pengambilan balik tanah wakaf Masjid Negeri di atas sebahagian Lot 4762, Seksyen 5, Bandar Georgetown, DTL, Pulau Pinang untuk tujuan menaik taraf jalan Masjid Negeri Pulau Pinang kepada *istibdal*.
2. Mesyuarat memutuskan bahawa semua tanah-tanah wakaf termasuk *wakaf irsod* (ارصاد) hanya boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri atau Persekutuan atas dasar keperluan yang mendesak dan untuk tujuan *masalah ammah* sahaja dan hendaklah diganti semula secara *istibdal* (استبدال) iaitu diganti dengan tanah yang sama atau lebih nilainya. Ia bagi mengelakkan tanah umat Islam terutama di sekitar kawasan-kawasan bandar dan yang terhad daripada berkurangan atau mengecil saiznya.

3. Oleh itu, bagi kes menaik taraf jalan Masjid Negeri ini. Mesyuarat memutuskan agar tanah yang diambil tersebut hendaklah digantikan dengan mana-mana tanah yang bersempadan dengan Masjid Negeri Pulau Pinang yang sama atau lebih nilainya.

(22 Ogos 2016)

Kaedah Pelupusan Bahan-Bahan Binaan Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 yang bersidang pada 24-25 Oktober 2017 telah memutuskan bahawa kaedah pelupusan bahan-bahan binaan wakaf adalah seperti berikut:

1. Sekiranya bahan-bahan tersebut boleh digunakan hendaklah digunakan semula pada masjid berkenaan atau diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
2. Sekiranya tidak ada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk masjid tersebut apabila diperlukan;
3. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan tersebut atau pada tanah wakaf yang lain dan tidak boleh dibakar malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

(24 Oktober 2017)

Status Sumbangan Dana Wakaf yang Tidak Dapat Dikenal Pasti Kategori Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2018 yang bersidang pada 13-14 Februari 2018 telah memutuskan bahawa:

1. Sumbangan dana wakaf yang tidak dapat dikenal pasti kategori wakaf hendaklah dikategorikan sebagai sumbangan wakaf tunai sepertimana asal kewujudan dana wakaf.
2. MAINPP perlu memantapkan sistem pengurusan kutipan dana wakaf terutamanya butiran maklumat yang berkaitan dengan perincian sumbangan penyumbang bagi mengelakkan situasi seperti ini berlaku di masa hadapan.

(13 Februari 2018)

Hukum *Istibdal* Tanah dan Harta Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2018 yang bersidang pada 16 Oktober 2018 telah memutuskan:

1. Hukum *istibdal* tanah dan harta wakaf adalah diharuskan dengan syarat-syarat yang tertentu.
2. Harta wakaf dikategorikan kepada dua (2) bahagian iaitu harta tak alih dan harta alih. Harta tak alih tidak boleh *istibdal* sama sekali, manakala harta alih dibolehkan *istibdal*.
3. Jika terhenti maksud hajat dan keperluan wakaf, Jawatankuasa Fatwa bolehlah merujuk kepada pandangan mana-mana mazhab yang lain.
4. Tanah yang diberi milik oleh Kerajaan untuk kepentingan umat Islam hendaklah diwartakan sebagai *wakaf irsod*.

(16 Oktober 2018)

Konsep Penggunaan Manfaat daripada Instrumen Wakaf Tunai Berdasarkan kepada Hasil Keuntungan 'Mudharabah' yang Diperolehi daripada Simpanan Tetap 'Fix Deposit' Wang daripada Sumber Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.6/2018 yang bersidang pada 5 dan 6 Disember 2018 telah memutuskan:

1. Konsep penggunaan manfaat daripada instrumen wakaf tunai berdasarkan kepada hasil keuntungan *mudharabah* yang diperolehi daripada simpanan tetap 'Fix deposit' wang daripada sumber wakaf adalah harus.
2. Keharusan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:
 - i. Ia hanya dilaksanakan untuk sementara waktu sahaja.
 - ii. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hendaklah berusaha dengan kadar segera untuk mendapatkan aset kekal bagi menunaikan hasrat pewakaf.
 - iii. Membuat pelaburan berkonsepkan *tawarruk* atau pelaburan emas yang lebih stabil dan tidak rosot nilai.

(5 Disember 2018)

SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)

Tukar Ganti Harta Wakaf Lot 698 dan 703 kepada Lot 554, 555, 556 dan 557 di Mukim yang Sama

Keputusan:

Jawatankuasa Syariah bersetuju sebulat suara membuat keputusan seperti berikut:

Dalam masalah penukaran tanah daripada tanah perkongsian wakaf sekolah dan Masjid Sungai Bakap, hukumnya adalah harus berdasarkan kepada manfaat kepada kedua belah pihak (dengan secara *istibdal*) berdasarkan kepada pendapat ini:

وإختلف الشافعية إذا أصبح العقار الموقوف لا يأتي بنفع مطلقا، ففريق اجاز
لإستبدال الوقف مفلا، وفريق منعه.⁶

Maksudnya: *Bersalahan ulama'-ulama' mazhab Syafi'i apabila terhad harta yang diwakafkan itu tidak mendatangkan manfaat semata-mata, maka satu golongan daripada ulama'-ulama' Syafi'i menghukumkan harus ditukar ganti supaya harta yang diwakafkan itu hidup dan satu golongan menegahnya.*

Juga berdasarkan kepada kaedah usul fiqh:

تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة.

Maksudnya: *Polisi/pentadbiran kerajaan ke atas rakyatnya bergantung kepada kepentingan umum (masalah).*

(1 Mac 1985)

⁶ *Muhadarah fil wakfi*, hlm. 156.

Pemecahan Tanah Wakaf Qaryah Masjid Sungai Bakau, Nibong Tebal

Keputusan:

Jawatankuasa Syariah memutuskan:

Pemecahan tanah wakaf untuk perkuburan seluas lima (5) ekar 1r.17p. Dibahagikan untuk wakaf perkuburan seluas tiga (3) ekar 1r.17p. dan untuk wakaf masjid seluas dua (2) ekar hukumnya harus (dibolehkan). Ini berdasarkan kaedah pengelola wakaf (jawatankuasa qaryah) boleh melaksanakan sesuatu yang lebih bermanfaat selama tidak bercanggah dengan tujuan syarak.⁷

(22 Februari 1988)

Pengambilan Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf di Lot PT 106, Mk. 15, SPS

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2010 yang bersidang pada 11 Mac 2010 telah membincangkan berkenaan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke atas tanah wakaf di Lot PT 106, Mk. 15, SPS. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Fatwa memberi kelulusan berkaitan tindakan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke atas tanah wakaf di Lot PT 106, Mk. 15, SPS bagi tujuan projek landasan keretapi berkembar elektrik demi *masalah ammah*.

(11 Mac 2010)

⁷ *Bughiah Al-Mustarsyidin*, hlm. 202; *Nihayah Az-Zain*, hlm. 271; *I'annah Al-Tholibin*, hlm. 169.

Pengambilan Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 580, Mk. 14, SPS

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke atas sebahagian tanah wakaf Lot 580, Mk. 14, SPS.

(2 Februari 2011)

Permohonan Mendapatkan Sebahagian daripada Wang Pampasan Waris Keturunan Pewakaf Lot 4129, Mk. 9, Daerah SPS

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2015 yang bersidang pada 10 Februari 2015 telah membincangkan mengenai permohonan mendapatkan sebahagian daripada wang pampasan waris keturunan pewakaf Lot 4129, Mk. 9, Daerah SPS. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Encik Ismail bin Osman selaku waris keturunan pewakaf Lot 4129, Mk. 9, Daerah SPS adalah tidak berhak ke atas sebahagian daripada wang pampasan berjumlah RM52,462.00 kerana wang pampasan tersebut adalah wang wakaf.
2. Mencadangkan agar Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberi sagu hati sebanyak RM5,000.00 kepada Encik Ismail bin Osman dengan menggunakan wang tabung pembangunan Institusi MAINPP di atas usaha beliau dalam proses pewakafan tersebut.

(10 Februari 2015)

Permohonan Mendapatkan Panduan Pembahagian Hasil Wakaf Lot 1495, Mk. 10, Daerah SPS

Keputusan:

Mesyuarat mencadangkan pembahagian hasil daripada wakaf berkenaan perlu diagihkan kepada pihak-pihak berdasarkan peratusan, iaitu 20 peratus kepada pihak pengurusan yang menguruskan wakaf (*mutawalli*), 40 peratus untuk pihak Masjid Sungai Aceh dan 40 peratus lagi bagi Sekolah Agama Rakyat Irsyadiah.

(5 Disember 2016)

SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)

Membina Rumah Wakaf untuk Madrasah Faqiah Daimiah, Permatang Pauh di Atas Lot 974

Keputusan:

1. Setelah menyemak Suratan Hak Milik Tanah bagi Lot 974 didapati dengan terang disebutkan tanah itu jadi milik penuh Haji Salleh bin Haji Zainol yang tak dapat disangkal lagi.
2. Oleh yang demikian untuk membina rumah wakaf bagi Madrasah Faqiah Daimiah hendaklah diuruskan supaya tapak rumah yang hendak didirikan itu termasuk kawasan sekelilingnya yang perlu untuk kegunaan penghuni-penghuni/pengguna-pengguna rumah tersebut diwakafkan secara rasmi sehingga dapat dicatitkan dalam Suratan Hak Milik Tanah yang bahagian itu (ditandakan kawasannya) diwakafkan kepada Madrasah Faqiah Daimiah.
3. Setelah jelas tanah bahagian yang hendak dibina rumah wakaf itu diwakafkan barulah boleh rumah wakaf itu didirikan. Binaan rumah wakaf boleh didirikan hanya di atas tanah yang diwakafkan.
4. Sekiranya pihak tuan punya tanah tersebut mewakafkan tanahnya lebih luas dari kawasan yang diperlukan untuk didirikan rumah wakaf yang berkenaan, pihak Madrasah Faqiah Daimiah bolehlah mendirikan lagi apa-apa bangunan atau menggunakan tanah yang selebihnya itu (yang diwakafkan) untuk tujuan/kegunaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Madrasah Faqiah Daimiah.
5. Hendaklah dipastikan tanah yang diwakafkan itu benar-benar diwakafkan oleh tuan punya yang sah sehingga wakaf boleh didaftarkan di Pejabat Tanah.

6. Berkenaan dengan pengakuan Encik Othman bin Haji Salleh mengenai tanah tersebut diwakafkan secara lisan bagi perkuburan keluarga mereka serta orang-orang Islam yang lain untuk menentukan semua kawasan yang dikatakan diwakafkan itu Encik Othmanlah yang berhak mendaftarkan tanah yang dikatakan diwakafkan dengan cara menyatakan balik yang tanah tersebut (semua kawasan atau sebahagian daripadanya) jadi tanah wakaf perkuburan.
7. Dari segi hukum syarak, sekiranya tanah tersebut jadi diwakafkan balik untuk perkuburan seperti yang diakui, maka kawasan untuk membina rumah wakaf Madrasah Faqiah Daimiah itu sah dijadikan wakaf bagi tapak rumah wakaf kerana keperluan perkuburan tidak mendesak dan binaan rumah wakaf itu adalah untuk *maslahah* umum yang lebih bermanfaat dan berterusan pahalanya kepada yang berwakaf.
8. Walau bagaimanapun, rumah wakaf Madrasah bolehlah dibina sebaik sahaja penyerahan rasmi (pernyataan wakaf), bagi tapak rumah wakaf yang akan didirikan itu diwakafkan.

(24 September 1988)

Cadangan Pemajuan di Atas Tanah-Tanah Wakaf yang Mempunyai Surat Amanah Lot 737-745 Bukit Mertajam dan Lot 1396 & 1397

Keputusan:

Keputusannya adalah seperti berikut:

1. Lot 737-745 Bukit Mertajam.

Permohonan daripada Persatuan Muslimin Bukit Mertajam memohon untuk mendirikan surau di atas tapak tersebut. Keputusannya kiranya ada dalam amanah si mati menyebut waris-warisnya atau pemegang-pemegang amanahnya maka amanah itu bolehlah dipakai dan sekiranya pemegang-

pemegang amanah ini ingin mendirikan surau maka hendaklah diutamakan pembinaan surau itu dan peruntukan tanah yang secukupnya hendaklah diberi bagi mendirikan surau berkenaan dan tanah yang selebihnya itu bolehlah dimajukan kepada pihak MAIPP.

2. Lot 1396 & 1397.

Tanah bagi Lot 1396 & 1397 jika didapati pemegang amanahnya sudah pupus ataupun waris terakhirnya tidak melantik pemegang amanah baru maka tanah itu menjadi tanah wakaf am dan bolehlah tanah itu dimajukan oleh MAIPP seperti mana mengikut nas.

(13 Julai 1993)

Cadangan Pemajuan di Atas Tanah-Tanah Wakaf yang Mempunyai Surat Amanah Lot 737 & 745 Bukit Mertajam dan Lot 1396 & 1397

Keputusan:

Setelah meneliti, Jawatankuasa Syar'iyah mengambil keputusan bersetuju membuat keputusan secara umum di atas permohonan yang dibuat oleh Sahabah Holding atas tanah Lot 737 & 745 Bukit Mertajam dan 1396 & 1397 adalah seperti berikut:

1. Majlis boleh memajukan tanah-tanah wakaf yang mempunyai Surat Amanah.
2. Jika sekiranya terdapat apa-apa syarat daripada si pewakaf dalam Surat-Surat Amanah bolehlah diterima pakai dengan mana syarat itu tidak bertentangan dengan hukum syarak.
3. Jika sekiranya didapati pemegang amanahnya sudah tidak ada ataupun waris terakhirnya tidak melantik Pemegang Amanah Baru, maka tanah itu menjadi tanah wakaf am berikut:

(28 September 1993)

Pandangan dan Ulasan Mengenai Penyelesaian Pinjaman Rumah di Atas Lot 1009 dan 1012 Mk. 9 untuk Diwakafkan kepada Masjid Bagan Ajam, Butterworth

Keputusan:

Rumah tersebut tidak boleh lagi dinamakan sebagai wakaf untuk masjid itu kerana belum dimiliki dengan sempurna oleh si *wakif* itu. Dia masih berhutang dengan bank dan hutangnya belum selesai. Mengikut hukum, tidak boleh diwakafkan satu benda yang mana benda itu belum ada. Oleh itu disyorkan supaya rumah itu dibereskan dahulu pembayarannya oleh *wakif* atau wakil-wakilnya sehingga selesai hutang. Kemudian barulah dilafazkan wakaf rumah itu kepada masjid tersebut. Hal ini diqiaskan kepada perkara seperti berikut:

“Jika diwakafkan akan seorang hamba yang tidak tentu orangnya atau kuda yang tidak tentu jenisnya maka wakaf itu adalah batal. Oleh kerana wakaf itu ialah menghapuskan milikan seseorang dengan tujuan mendapatkan pahala dari Allah ﷻ. Maka tidaklah sah diwakafkan akan satu benda yang belum ada atau belum sempurna lagi miliknya”.⁸

(1 Ogos 1994)

Jenis Wakaf Tanah Lot 1065, Mk. 4, SPT

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju berhubung perkara tersebut dan memutuskan segala hasil dan manfaat daripada aktiviti komersial yang diperolehi melalui tanah tersebut hendaklah diberikan kepada masjid yang berdekatan sebagai menunaikan hasrat pewakaf.

⁸ *Al-Majmuk al-Nawawi*, juz.15, hlm. 327 & 332.

2. Mesyuarat juga bersetuju memberi kebenaran menggunakan bayaran pampasan pengambilan balik tanah Lot 1066, Mk. 4, SPT untuk membeli sebahagian tanah bagi pembesaran Masjid Permatang Pauh mengikut kaedah *istibdal*.
3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Unit Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(11 September 2004)

Mendirikan Sekolah Agama Rakyat di Atas Tanah Wakaf Lot 1323, Mk. 14, SPT

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2005 yang bersidang pada 24 Jun 2005 telah membincangkan berkenaan permohonan untuk mendirikan Sekolah Agama Rakyat di atas tanah wakaf Lot 1323, Mk. 14, SPT. Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan bahawa berdasarkan fakta-fakta dari pemohon seperti berikut:

1. Tanah wakaf tersebut dinyatakan wakaf khas untuk masjid dan tanah perkuburan, oleh itu ianya tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
2. Berdasarkan keperluan, maka dicadangkan supaya ruang balai lintang dan persekitaran ruang tambahan yang dijadikan kelas KAFA di masjid berkenaan dibuat pembesaran yang sesuai untuk dijadikan kelas KAFA.

(24 Jun 2005)

Pelaksanaan Konsep *Istibdal* bagi Permohonan Pemajuan Perumahan Secara Usahasama oleh Pansprint Consolidated Sdn. Bhd. Atas Tanah Wakaf Perkuburan di Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2006 yang bersidang pada 31 Oktober 2006 telah membincangkan berkenaan cadangan melaksanakan konsep *istibdal* bagi permohonan pemajuan perumahan secara usaha sama oleh Pansprint Consolidated Sdn. Bhd. atas tanah wakaf perkuburan di Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT. Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Bersetuju supaya konsep *istibdal* wakaf dilaksanakan ke atas Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT.
2. Mesyuarat juga mengingatkan supaya tanah yang *diistibdalkan* itu hendaklah sama atau lebih baik daripada tanah Lot 45.

(30 November 2006)

Penggunaan Sumber Hasil Wakaf bagi Tujuan Melaksanakan Projek Pembangunan 14 Unit Rumah Kediaman di Atas Tanah Wakaf Lot 192 Mk.1, SPT

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2006 yang bersidang pada 30 November 2006 telah membincangkan berkenaan cadangan menggunakan sumber hasil wakaf bagi tujuan melaksanakan projek pembangunan 14unit rumah kediaman di atas tanah wakaf Lot 192 Mk.1, SPT. Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Mesyuarat meluluskan cadangan menggunakan sumber hasil wakaf bagi tujuan melaksanakan projek pembangunan 14unit rumah kediaman di atas tanah wakaf Lot 192 Mk.1, SPT.
2. Kelulusan ini dibuat kerana ianya memberi keuntungan kepada sumber hasil wakaf.

(30 November 2006)

Permasalahan Pajakan Premis di Atas Tanah Wakaf bagi Cadangan Usaha Sama Pembangunan Tanah Wakaf Lot 1444, Mk. 4, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

Mesyuarat bersetuju Lot 1444, Mk. 4, SPT dimajukan dengan cara usaha sama di antara MAINPP dengan Uda Land (North) Sdn. Bhd. sebagai balasan kepada MAINPP dengan usaha sama ini Uda Land akan menyerahkan kepada MAINPP 7unit kedai pejabat tiga (3) tingkat bernilai RM10.88 Juta.

1. Tanah wakaf Lot 1444 ini tetap menjadi milik MAINPP sebagai pemegang amanah.
2. Borang 15A akan diguna pakai dalam proses sewaan atau pajakan yang akan dilaksanakan.
3. Mesyuarat bersetuju supaya kaedah sewaan/pajakan yang akan diguna pakai adalah seperti yang telah digaris dalam Minit Jawatankuasa Fatwa 4/2006.

(30 November 2006)

Pembelian Tanah Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam dengan Menggunakan Wang Hasil Jualan Tanah Wakaf Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2011 yang bersidang pada 2 Februari 2011 telah membincangkan berkenaan cadangan untuk membeli tanah Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam dengan menggunakan wang hasil jualan tanah wakaf Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, SPT. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk membeli tanah di atas Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam (Jalan Berapit), SPT dengan menggunakan wang hasil jualan Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam (Jalan Berapit), SPT menggunakan kaedah:

الإستبدل بما هو خير.

Maksudnya: *Menggantikan dengan apa yang lebih baik.*

(7 April 2011)

Penukaran Syarat Tanah Wakaf di Atas Lot 1575, Mk. 15, SPT

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan menukar syarat tanah wakaf di atas Lot 1575, Mk. 15, SPT kerana tanah tersebut telah diwakafkan untuk tujuan perkuburan sahaja.

(7 April 2011)

Membeli Tanah Wakaf Atas Lot 738, Mk. 21, SPT (Lot 1273, Lot 1274, Lot 1275 dan Lot 1276) dengan Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah (*Istibdal*)

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan membeli tanah atas Lot 738, Mk. 21, SPT (Lot 1273, Lot 1274, Lot 1275 dan Lot 1276) dengan menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah (*istibdal*).

(16 Jun 2011)

Pengambilan Balik Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Tanah Wakaf di Lot 615, Mk. 7 SPT

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju meluluskan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke atas tanah wakaf di Lot 615, Mk. 7 SPT dan MAINPP hendaklah memastikan tanah yang akan digantikan mengikut kaedah *istibdal* adalah tanah yang sama atau lebih baik dari tanah yang dibuat pengambilan tersebut.

(20 September 2012)

Kaedah Pembahagian Hasil Wakaf Setee Aisah di Atas Lot 1444, Mk. 4, Seberang Jaya, SPT, Berdasarkan Amanah Pewakaf

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju meluluskan kaedah pembahagian hasil wakaf Setee Aisah di atas Lot 1444, Mk. 4, Seberang Jaya, SPT, berdasarkan amanah pewakaf dan pembahagian hasil wakaf

adalah merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.5/2009 bertarikh 22 Oktober 2009.

(29 November 2012)

Status Wakaf Lot 615, 619, dan 614, Mk. 9, SPT

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2013 yang bersidang pada 12 hingga 13 September 2013 telah membincangkan berkenaan status wakaf Lot 615, 619, dan 614, Mk. 9, SPT. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

Mesyuarat mengekalkan keputusan yang telah dikeluarkan pada 28 September 2011 yang menjelaskan lot-lot tanah terlibat adalah wakaf serta akan mewartakannya.

(12 September 2013)

Permohonan untuk Mengesahkan Status Wakaf Atas Lot 224, Mk. 12, Bukit Kecil, Juru, SPT

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan bahawa Lot 224, Mk. 12, Bukit Kecil, Juru, SPT adalah tanah wakaf berdasarkan alasan seperti berikut:

1. Surat yang telah ditandatangani oleh Haji Jusoh bin Abdullah menyatakan beliau adalah cucu kepada Hajah Siti binti Lebai Nun yang telah meninggal dunia dan mengaku bahawa beliau adalah waris yang sah kepada si mati serta berhak memerintah harta tersebut yang dikenali sebagai Lot 224, Mk. 12, Seberang Parit Tengah dan menikmati semua faedah-faedahnya.

2. Aduan Polis No. Report L411/85 Rumah Pasong, Balai Polis Bukit Tengah, Bukit Mertajam yang dibuat oleh Haji Jusoh bin Abdullah pada 6/6/85 jam 5.40 petang menyatakan orang masjid telah menyuruh beliau menyerah balik tanah kubur mengikut Lot 224, Mk. 12, Bukit Kecil, Juru yang mana tanah tersebut kepunyaan datuk beliau, Lebai Nun.
3. Surat pengakuan Hajah Aisha binti Ibrahim dan diakui oleh saksi yang masih hidup iaitu Encik Abd. Latib bin Haji Yahaya menyatakan tanah tersebut merupakan tanah wakaf yang telah diwakafkan oleh Hajah Siti binti Lebai Nan sebagai wakaf khas untuk tujuan perkuburan.
4. Keterangan daripada empat (4) orang penduduk yang tinggal di Kampung Bukit Kecil dan mengetahui berkaitan tanah tersebut iaitu:
 - i. Haji Abd. Rahman bin Said (JKKK (P) Kampung Sekolah Juru).
 - ii. Encik Yusuf bin Hashim (Pengerusi JKKK (N) Kampung Sekolah Juru).
 - iii. Haji Hashim bin Nasir.
 - iv. Haji Mat Said bin Ahmad (Setiausaha JKKK (P), Kampung Sekolah Juru).
5. Kesemua mereka menyatakan keseluruhan tanah tersebut pada asalnya merupakan tanah kubur dan wujud bekas binaan yang dipercayai sebuah binaan seperti surau atau masjid yang telah dibina suatu masa dahulu.

(13 November 2013)

Status Tapak Masjid Timah Lot 559, Mk. 6, SPT

Keputusan:

1. Mesyuarat mengambil keputusan bersetuju menerima tanah yang diwakafkan oleh pihak waris hanyalah tapak masjid asal berukuran 95 x 75 kaki persegi dan bukan keseluruhannya.
2. Keputusan mesyuarat bersetuju untuk menyerahkan beban tanggungjawab kepada MAINPP bagi membayar semula pampasan kepada waris tanah tersebut atas kesilapan memindah milik keseluruhan Lot 559 iaitu tapak Masjid Timah atas nama MAINPP dan bersetuju bagi sebahagian tanah tersebut untuk dijadikan tanah perkuburan Islam bagi qaryah Masjid Timah.
3. Isu ini adalah berkaitan dengan perkara status tanah Lot 25, Mk. 1, SPT (tanah perkuburan lama Masjid Timah) iaitu belum dapat dilaksanakan.

(2 Julai 2014)

Memohon Panduan bagi Tujuan Pengagihan Sumber Wakaf Am bagi Masjid Kapitan Bersendirian (MKKB) Rumah Pangsa Kedersah (RPKS), Dana Wakaf Lebuh Chulia (DWLCH) dan Dana Wakaf Bandar Perda (DWBP)

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju wakaf am bagi Masjid Kapitan Bersendirian (MKKB) adalah disalurkan untuk tujuan manfaat penduduk setempat yang memerlukan dan program dakwah kepada persatuan-persatuan Islam (NGO Islam) di Pulau Pinang dan jika terdapat lebih bolehlah disalurkan kepada persatuan-persatuan dakwah di luar negeri Pulau Pinang serta untuk tujuan pendidikan umat Islam.
2. Mesyuarat juga bersetuju untuk diberikan sumber wakaf am yang diperolehi kepada Madrasah Maahad Tahfiz Fathur

Rahman secara berkala dan mengikut keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi tujuan pembayaran sewa dan disalurkan manfaat (bayaran sewa) tersebut kepada Masjid Jelutong.

(16 Julai 2014)

Status Wakaf Tanah Lot 1065 Mk.4, SPT

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju mewartakan keputusan berkaitan status wakaf tanah Lot 1065 Mk.4, SPT, Pulau Pinang seperti yang telah diputuskan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2009 bertarikh 08 Syaaban 1430H bersamaan 30 Julai 2009.

(2 Disember 2015)

Syarat Pewakaf bagi Tujuan Pembinaan Masjid di Atas Tanah Lot 737, 739, 740, 741, 742, 743, 744, 745, dan 1152, Mk. 10, Daerah SPT (Bukit Mertajam) yang Terletak di Kawasan Persekitaran Penduduk Bukan Beragama Islam

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2016 yang bersidang pada 12 Oktober 2016 telah memutuskan seperti berikut:

1. Tanah Lot 737, 739, 740, 741, 742, 743, 744, 745 dan 1152, Mk. 10, Daerah SPT (Bukit Mertajam) yang terletak di kawasan persekitaran penduduk bukan Islam hendaklah dikosongkan dengan kadar segera dan dikekalkan bagi mematuhi hasrat pewakaf melalui *trust deed* 496/200 iaitu tanah tersebut telah diwakafkan untuk tujuan pembinaan masjid bagi kegunaan orang-orang Islam daerah Bukit Mertajam.

2. Jika pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berpandangan untuk dibina bangunan selain daripada hasrat pewakaf di tempat yang sama atau perlu *diistibdal* tanah berkenaan hendaklah dikemukakan semula kepada mesyuarat ini bagi memutuskannya menurut hukum syarak.

(12 Oktober 2016)

Status Keuntungan Hasil Jualan Pajakan bagi Projek Usaha Sama Pembangunan Lot 192, Mk. 1, Daerah SPT (Wakaf Haji Mohamad Hashim)

Keputusan:

1. Penerima pajakan asal harus mengambil keuntungan di atas hasil pajakan tersebut.
2. Namun begitu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bolehlah mengadakan sebarang syarat dan polisi tertentu kepada penerima pajakan asal berkaitan jumlah keuntungan yang dipersetujui bersama bagi mengawal keadaan tersebut. Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

المسلمون على شروطهم الا شرطا حرم حلالا أو أحل حراما.

Maksudnya: *Orang Islam itu terikat dengan syarat (yang mereka buat) selagi syarat itu tidak mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.*

(2 Disember 2015)

Membangunkan Pusat Pendidikan Islam di Atas Tanah Wakaf Seetee Aisah Fasa 2, SPT, Pulau Pinang

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2018 yang bersidang pada 13-14 Februari 2018 telah memutuskan bahawa harus membina Pusat Pendidikan Islam di atas tanah wakaf Seetee Aishah, Fasa 2, SPT dengan mengenakan kadar sewaan yang berpatutan bagi menunaikan hasrat pewakaf.

(13 Februari 2018)

DAERAH BARAT DAYA (DBD)

Tanah Lot untuk Dijadikan Tanah Wakaf

Keputusan:

Mesyuarat mengambil keputusan mencadangkan supaya permohonan itu boleh diluluskan dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam tahun 1959.

(7 Jun 1977)

Tanah Wakaf Masjid Kampung Perlis, Balik Pulau

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan:

1. Dari segi hukum syarak, tidaklah boleh didirikan sebarang bangunan seperti masjid atau rumah di atas tanah yang diwakafkan.
2. Berkenaan dengan kebenaran yang diberikan oleh seorang Ahli Jawatankuasa Qaryah tanpa persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa adalah menyalahi peraturan Jawatankuasa Qaryah. Hal ini hendaklah pihak Jawatankuasa membuat aduan kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk diambil tindakan.

(25 Mac 1989)

Tanah Pegangan No. 1798 dan 1799 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang

Keputusan:

1. Jawatankuasa Syar'iyah bersetuju berbincang mengenai perkara berkenaan jika sekiranya mendapat keputusan

- daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang kerana didapati tanah ini telahpun didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam.
2. Berhubung dengan penggantian tanah ini dengan tanah yang lain maka wakaf ini dinamakan wakaf *istibdal*. Mengikut pandangan yang masyhur daripada mazhab Imam Syāfi'ī tanah wakaf tidak boleh dijual, dihebah atau diwarisi, walau rosak sekalipun seperti huraian kitab *fathul muin* tetapi ada pendapat di kalangan mazhab Syāfi'īyyah yang membolehkan wakaf itu dijual dan wang jualan itu dibeli wakaf lain yang dinamakan wakaf *istibdal* iaitu, seperti huraian dalam kitab *al-Majmuk* Imam al-Razi dan Subky. Begitu juga dengan fatwa yang masyhur dalam mazhab Imam Hanafi boleh dijual dan diganti dengan wakaf yang baik, melainkan wakaf masjid.
 3. Perkara ini perlu dirujuk kepada Majlis terlebih dahulu oleh kerana pendapat wakaf *istibdal* ini adalah pendapat yang daif, dalam mazhab Syāfi'ī maka keputusan Majlis adalah dipohon.

(28 September 1993)

Tanah Pegangan Lot No. 1798 dan 1799 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang

Keputusan:

Jawatankuasa bersetuju untuk memberi pengakuan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan pegangan tanah wakaf khas di Lot 1798 dan 1799, Mk. 12, DBD dijual oleh Majlis kepada pemaju dan wangnya diberi kepada *maukuf alaihi* yang disebut oleh wakaf itu. Dengan cara dibuat wakaf *istibdal* iaitu wang hasil jualan daripada tanah wakaf itu dengan 4 buah bangunan rumah sebagai ganti kepada pegangan tanah Lot 1798 dan 1799 tersebut. Segala manfaatnya adalah

untuk penyelenggaraan Masjid Bayan Lepas, Pulau Pinang dan baki daripadanya bagi tujuan awam untuk kebajikan orang Islam. Pengakuan juga diberi kepada Majlis untuk meletakkan hak kepada bangunan wakaf *istibdal* itu sebagai ganti pada tanah pegangan Lot 1798 dan 1799.

(24 Julai 1995)

Penggunaan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf bagi Membeli Lot 126, Mk. 3, (Sungai Rusa), DBD

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2008 yang bersidang pada 12 September 2008 telah membincangkan berkenaan cadangan untuk menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah wakaf bagi membeli Lot 126, Mk. 3, (Sungai Rusa), DBD. Mesyuarat mengambil keputusan meluluskan cadangan menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah wakaf (pelbagai) bagi membeli Lot 126, Mk. 3, DBD.

(12 September 2008)

Status Pewakafan Tanah Lot 1093 dan 1094 Mk. 12, DBD, Pulau Pinang

Keputusan:

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Keseluruhan lot-lot tanah berkaitan adalah sebagai wakaf.
2. MAINPP adalah sebagai pemegang amanah tunggal terhadap tanah wakaf tersebut dan tidak boleh dipertikaikan oleh pewaris.

(30 Julai 2009)

Membina Rumah Kakitangan di Atas Tanah Wakaf Lot 216, Mk. B (Sungai Rusa), DBD

Keputusan:

Mesyuarat menolak permohonan membina rumah kakitangan di atas tanah wakaf Lot 216, Mk. B (Sungai Rusa), DBD kerana hasrat pewakaf adalah untuk membina surau.

(16 Jun 2011)

Amanah bagi Tanah Lot 1799, Mk. 12, DBD yang Diwakaf oleh Hajah Shariah binti Hj Hassan

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 yang bersidang pada 15-16 Februari 2016 telah membincangkan mengenai amanah bagi tanah Lot 1799, Mk. 12, DBD yang diwakaf oleh Hajah Shariah binti Hj Hassan. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Bersetuju meluluskan permohonan bantuan bagi menampung kos rawatan pesakit kanser yang dihadapi oleh bekas pemegang amanah wakaf berkenaan dengan menggunakan peruntukan daripada 2/3 bahagian yang diperuntukan daripada amanah wakaf tanah Lot 1798 dan Lot 1799, Mk. 12, DBD yang diwakafkan al-marhumah Hajah Shariah binti Haji Hassan mengikut budi bicara *mutawalli* (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang).
2. Keputusan ini adalah berdasarkan hasrat dan amanah pewakaf iaitu 2/3 bahagian daripada hasil pendapatan adalah bagi tujuan am dan boleh memberi manfaat.

(15 Februari 2016)

Pembahagian Manfaat Amanah Wakaf Siti dan Hajah Norijah serta Permohonan Pembahagian Hasil Wakaf bagi Pembangunan Tanah Lot 1093 dan 1094 Mk.12, DBD Pulau Pinang

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2016 yang bersidang pada 20 April 2016 telah membincangkan mengenai pembahagian manfaat amanah wakaf Siti dan Hajah Norijah serta permohonan pembahagian hasil wakaf bagi pembangunan tanah Lot 1093 dan 1094 Mk.12, DBD. Mesyuarat bersetuju dan memutuskan anggaran perolehan hasil daripada pangsapuri ini jika diunjurkan melalui hasil sewaan adalah seperti berikut:

1. Sewaan $RM1.20 \times 800 \text{ Kps} = RM960 \text{ Seunit/Bulan}$.
 $RM960 \times 77 \text{ Unit} = RM73,920 \text{ Sebulan}$.
Anggaran Setahun = $RM73,920 \times 12 =$
 $RM887,040.00$.
Amanah = 40% Hasil Sewaan.
= $RM354,816.00 \text{ Setahun}$.
2. MAINPP (2/3 bahagian daripada Amanah) = $RM236,544.00 \text{ Setahun}$.
3. JAWHAR (1/3 bahagian daripada Amanah) = $RM118,272.00 \text{ Setahun}$.

(20 April 2016)

SEBERANG PERAI UTARA (SPU)

Pengambilan Milik Tanah untuk Membina Tali Air di Kawasan Pasir Gebu SPU

Keputusan:

Sahibus Fadhilah Tuan Mufti Kerajaan Negeri mengatakan tanah wakaf itu boleh digunakan untuk membina tali air yang tersebut.

(10 Mei 1966)

Tanah Wakaf Butterworth dan Lot 694, Mk.4, SPU

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu tanah wakaf memang tak harus dijual beli tetapi boleh dipajak atau disewa dan lain-lain cara yang tidak akan menghilangkan miliknya.
2. Mesyuarat berpendapat boleh dilonggarkan kerana tujuan *wakif* (pewakaf) tidak sampai.

(11 November 1976)

Wang Kutipan Membina Masjid Baharu bagi Kawasan Lahar Ikan Mati, SPU

Keputusan:

Jawatankuasa Syariah memutuskan:

1. Disebabkan Majlis Agama Islam Pulau Pinang tidak membenarkan didirikan sebuah masjid di kawasan Lahar Ikan Mati, maka wang kutipan untuk wakaf masjid yang dicadangkan itu bolehlah digunakan untuk membeli barang-barang keperluan Surau Lahar Ikan Mati seperti lampu, kipas angin, sejadah/tikar solat atau pembesar suara.

2. Ini berdasarkan nas:

ولو شرط شيئاً اتّبع : (ولو شرط) أو الواقف لملكه (شيئاً) كأن شرط أن لا يؤجر الوقف أصلاً أو سنة أو أن لا يؤجر من ذى شوكة، أو أن الموقوف عليه يسكن فيه بنفسه (اتّبع) شرطه في غير حالة الضّرورة كسائر شروطه التي لم تخالف الشرع، وذلك لما فيه من وجود المصلحة . وخرج بغير حالة الضّرورة ما لو لم يوجد إلا من لا يرغب فيه إلا على وجه مخالف لذلك فيجوز لأن الظاهر أنه لا يريد تعطيل وقفه.⁹

3. Nas ini menyebutkan bolehlah digunakan wakaf itu untuk tujuan lain dari tujuan asal sesuatu wakaf disebabkan tujuan asal bagi wakaf itu tidak dapat dilaksanakan, demi untuk tidak mengendalakan pahala wakaf bagi orang yang berwakaf.

(24 September 1988)

Garis Panduan Pemajuan Tanah-Tanah Wakaf, Zakat dan Baitulmal - Pandangan-Pandangan dari Segi Hukum Syarak (1/2/93)

- 1. Lot 2233, Jalan Langkawi, Pulau Pinang - Tanah Wakaf**
- 2. Lot 603 & 1238, Lebuhr Buckingham, Pulau Pinang - Tanah Wakaf**
- 3. Lot 2581, Telok Air Tawar, Butterworth - Tanah Zakat**
- 4. Lot 483, Balik Pulau, Pulau Pinang - Tanah Zakat**
- 5. Lot 303 & 304, Jalan Perak, Pulau Pinang. - Tanah Wakaf**
- 6. Lot 2470, Kuala Bekah, SPU - Tanah Baitulmal**

⁹ Nihayah az-Zain, hlm.271.

Keputusan:

Jawatankuasa Syar'iyah memperakukan kertas kerja yang dibuat oleh as-Sahabah Sdn. Bhd. atau dengan cara perkongsian. Garis Panduan Pemajuan Tanah-Tanah Wakaf, Zakat dan Baitulmal - Pandangan-Pandangan dari Segi Hukum Syarak (1/2/93)

1. Lot 2233, Jalan Langkawi, Pulau Pinang - Tanah Wakaf
2. Lot 603 & 1238, Lebuhr Buckingham, Pulau Pinang - Tanah Wakaf
3. Lot 2581, Telok Air Tawar, Butterworth - Tanah Zakat
4. Lot 483, Balik Pulau, Pulau Pinang - Tanah Zakat
5. Lot 303 & 304, Jalan Perak, Pulau Pinang - Tanah Wakaf
6. Lot 2470, Kuala Bekah, SPU - Tanah Baitulmal

(21 April 1993)

Fatwa Mengenai Kedudukan Harta Pesaka Hajee Mohamed Joosoh, Si Mati Tanah Wakaf Lot 1712 Mk. 1, SPU

Keputusan:

Jawatankuasa Syar'iyah bersetuju memutuskan adalah seperti berikut:

1. Wakaf itu sah mengikut apa yang dilafazkan sahaja.
2. Oleh kerana itu tanah-tanah yang lain daripada yang ditentukan oleh si pewakaf itu bukan wakaf, maka bolehlah ianya dihebah atau dijual atau diwarisi.

(28 September 1993)

Pengambilan Balik Tanah Wakaf di Sebahagian Lot 936

Keputusan:

1. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan pengambilan balik tanah wakaf seluas 5,000 kaki persegi bagi maksud tujuan awam.

2. Mesyuarat berpandangan bahawa nilai pampasan RM14.00 sekaki persegi adalah tidak berpatutan dengan nilai semasa. Justeru, mesyuarat mencadangkan agar pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) meminta Jabatan Penilaian Harta untuk mengkaji semula kadar nilai yang berpatutan bagi tapak tersebut.

(30 April 2002)

Pengambilan Balik Tanah Wakaf Sebahagian Lot 315, GM 710, 316, 717, GM 284 dan 2006, Mk.16, SPU untuk Tujuan Awam-Projek Tebatan Banjir

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan pengambilan balik tanah ini oleh pihak berkuasa bagi tujuan kepentingan awam dan memberikan harga nilai tanah tersebut kepada MAINPP.

(13 Jun 2002)

Pengambilan Balik Tanah Wakaf Lot 496, GM 121, Mk. 16, SPU Seluas 1.131 Ekar oleh Perda untuk Tujuan Pembangunan Kampung Teluk, Sungai Dua, SPU

Keputusan:

Mesyuarat telah membuat keputusan iaitu:

1. Tanah tersebut adalah wakaf dari segi hukum syarak.
2. Pengambilan balik tanah tersebut oleh PERDA untuk kepentingan awam dengan membayar pampasan mengikut kadar yang ditentukan oleh pihak Jabatan Penilaian adalah dibenarkan dalam Islam.
3. Wang pampasan yang diterima oleh pemegang-pemegang amanah berkenaan hendaklah membeli mana-mana harta

yang menghasilkan faedah bagi kegunaan umat Islam (*istibdal*).

4. Wang pampasan yang dibahagikan kepada tujuh (7) orang keturunan mereka tersebut adalah tidak sah kerana mengikut surat amanah “Trust Deed 115/109 bertarikh 26 Mac 1903” hendaklah dibelanjakan seperti berikut:
 - i. Mengadakan kenduri setahun sekali.
 - ii. Baki wang pendapatan daripada hasil tanah lot tersebut hendaklah digunakan untuk saraan Haji Jawahir, Sahyah, Halimah, Etam, Nah, Abdul Rahman, Zainah dan keturunan mereka.
5. Segala hasil gantian daripada harta gantian wakaf (*istibdal*) hendaklah dibelanjakan mengikut surat amanah “Trust Deed 115/109 bertarikh 26 Mac 1903” seperti yang telahpun disebutkan.

(16 Jun 2003)

Mendirikan Tadika Islam di Atas Tanah Wakaf Lot 121, Mk. 7, SPU

Keputusan:

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan mendapati tanah wakaf tersebut adalah tanah wakaf khas (untuk tanah perkuburan).
2. Mesyuarat mengesyorkan supaya surau yang sedia ada tersebut perlu dibaik pulih atau dibangunkan semula dan di tanah lot tersebut dipagar dan aktiviti permainan bola dihentikan.
3. Mesyuarat juga mengambil perhatian bahawa tanah tersebut perlu dibuat kajian dengan mengenal pasti kawasan yang ada kubur di dalam tanah Lot 121 tersebut.

(7 Mac 2005)

Status Pemilikan Faedah Atas Tanah Wakaf Lot 717, Mk. 16, SPU

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan status pemilikan faedah atas tanah wakaf Lot 717, Mk. 16, SPU adalah seperti berikut:

1. Untuk urusan pentadbiran tanah wakaf, MAINPP boleh mengambil peruntukan dari hasil tanah wakaf itu untuk tujuan tersebut.
2. Faedah ke atas tanah Lot 717, Mk. 16, SPU, hendaklah ditentukan berdasarkan kepada kedudukan hierarki ahli keluarga berkenaan, kerana wakaf tersebut sebagai "wakaf ahli".

(19 April 2006)

Pengambilan Balik Tanah di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke Atas Wakaf

1. Lot 1712, Mk. 1, SPU
2. Lot 2602, Mk. 2, SPU
3. Lot 2941, Mk. 2, SPU
4. Lot 3699, Mk. 3, SPU
5. Lot 2724, Mk. 2, SPU
6. Lot 2792, Mk. 3, SPU

Keputusan:

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Fatwa memberi kelulusan berkaitan tindakan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah wakaf di lot-lot berkenaan bagi tujuan rancangan tebatan banjir Sungai Muda, demi *maslahah* am.

(30 Julai 2009)

Memajak Tanah Wakaf Atas Lot 418, Mk. 12, SPU untuk Mengusahakan Tanaman Kelapa Sawit

Keputusan:

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat tidak bersetuju dengan permohonan untuk memajak tanah wakaf atas Lot 418, Mk. 12, SPU bagi mengusahakan tanaman kelapa sawit.
2. Mesyuarat mencadangkan agar pihak SAR Al-Ibtidaiah, Tasek Gelugor menguruskan tanah tersebut kerana hasrat pewakaf adalah untuk tujuan SAR Al-Ibtidaiah, Tasek Gelugor.

(25 Mei 2012)

Pembinaan Pusat Pengajian Islam dan Al-Quran di Atas Tanah Wakaf Lot 693, Mk. 4, Penaga, SPU

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan bagi membina Pusat Pengajian Islam dan Al-Quran di atas tanah wakaf Lot 693, Mk. 4, Penaga, SPU kerana tanah tersebut bukan wakaf khas seperti yang dimaklumkan dahulu sebaliknya tanah tersebut merupakan tanah wakaf am. Kebenaran untuk membina Pusat Pengajian Islam dan Al-Quran adalah tertakluk kepada kelulusan dan persetujuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

(12 September 2013)

***Istibdal* Bahagian Tanah Wakaf (Tapak Surau dan Bangunan Surau) Atas Lot 377, Mk. 13 Ara Kuda, Daerah SPU**

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2014 yang bersidang pada 16 hingga 17 Julai 2014 telah membincangkan berkenaan cadangan membuat *istibdal* bahagian tanah wakaf (tapak surau dan bangunan surau) atas Lot 377, Mk. 13 Ara Kuda, Daerah SPU. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat bersetuju dan memutuskan cadangan membuat *istibdal* bahagian tanah wakaf (tapak surau dan bangunan surau) atas Lot 377, Mk. 13 Ara Kuda, Daerah SPU.
2. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Bil. 2/2014 bertarikh 2 dan 3 April 2014 adalah dipinda iaitu bukan wakaf keseluruhan tanah tetapi wakaf pada tapak surau sahaja.
3. *Istibdal* hendaklah dengan tanah yang lebih baik dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bolehlah memutuskan mana-mana tanah, masjid atau surau di dalam negeri Pulau Pinang.

(16 Julai 2014)

Pengambilan Balik Tanah Wakaf di Atas Sebahagian Lot 3462, Mk. 16, Sungai Dua, Daerah SPU untuk Tujuan Awam iaitu Projek Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor, Daerah SPU, Pulau Pinang

Keputusan:

Mesyuarat meluluskan cadangan pengambilan balik tanah wakaf di atas sebahagian Lot 3462, Mk. 16, Sungai Dua, Daerah SPU

untuk tujuan awam iaitu projek rancangan tebatan banjir Tasek Gelugor, Daerah SPU, Pulau Pinang dengan nilai pampasan sebanyak RM42,000.00 atau bersamaan RM35.80 sekaki persegi kerana untuk kepentingan umum (*masalah ammah*).

(29 April 2015)

Status Wakaf bagi Lot 1398 (Lot Baru 4112), Mk. 5, Daerah SPU

Keputusan:

1. Tanah Lot 1398 (Lot Baru 4112), Mk. 5, Daerah SPU adalah wakaf berdasarkan surat ikatan amanah rujukan "*Settlement of Penang, Registry of Deed Poll*" bertarikh 30 April 1900.
2. Pembatalan *Deed Poll*? asal bertarikh 30 April 1900 oleh Pesuruhjaya rujukan PHMT/A/3/C/2504/21665 bertarikh 15 September 1987 dan pengesahan Ahmad bin Yahya melalui "Deed of Giff" rujukan 1097/1 23 bertarikh 26 Mac 1965 adalah tidak sah di sisi hukum syarak berdasarkan dalil berikut:

Maksudnya: *Bahawasanya Saidina Umar bin Al-Khathab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi ﷺ (untuk) menerima arahan baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?" Rasulullah ﷺ menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar ﷺ bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."* (Riwayat al-Bukhari).

(29 April 2015)

Pewartaan Fatwa Mengenai Pengesahan Status Penjualan Tanah Wakaf bagi Lot 244, Mk. 10, Permatang Sungai Dua, Daerah SPU, Pulau Pinang dan Status Pendaftaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Sebagai Pemilik Berdaftar bagi Lot Tanah Berkenaan Pada Masa Kini

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju untuk mewartakan fatwa mengenai pengesahan status penjualan tanah wakaf bagi Lot 244, Mk. 10, Permatang Sungai Dua, Daerah SPU, Pulau Pinang dan status pendaftaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai pemilik berdaftar bagi lot tanah berkenaan pada masa kini.

(15 Februari 2016)

Mendapatkan Panduan Penentuan Pewakaf, Kategori Wakaf, Lafaz Wakaf (Sighah) dan *Syurutul Wakif* (Syarat Pewakaf) serta Penyaluran Hasil Bagi Lot 6247 dan 6249, Mk. 7, SPU

Keputusan:

1. Mesyuarat berpandangan, tanah berkenaan adalah dianggap hibah iaitu pemberian Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Manakala pihak MAINPP adalah pewakaf yang mewakafkan tanah tersebut.
2. Oleh yang demikian, pihak MAINPP boleh menentukan lafaz wakaf (sighah) dan *syurutul wakif* (syarat-syarat pewakaf) bagi kedua-dua lot tersebut.

3. Tanah atau lot berkenaan adalah wakaf am dan pihak MAINPP berhak menentukan pihak penerima manfaat wakaf atau *mauquf alaih*.

(5 Disember 2016)

Menambun Tanah di Atas Tanah Wakaf Masjid Bakar Kapor di Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU dan Cadangan Menjadikan Separuh Daripadanya Sebagai Tapak Kubur

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2017 yang bersidang pada 15-16 Februari 2017 telah membincangkan mengenai permohonan untuk menambun tanah di atas tanah wakaf Masjid Bakar Kapor di Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU dan cadangan menjadikan separuh daripadanya sebagai tapak kubur. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

1. Tanah Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU hendaklah diuruskan mengikut hasrat dan syarat pewakaf melalui ikatan amanah bertarikh 31 Julai 1924 iaitu; tanah tersebut perlu diusahakan agar menjana hasil pendapatan bagi tujuan diadakan kenduri secara tahunan dengan membaca doa, membekal dan membayar lampu masjid dan membaiki mana-mana kerosakan masjid apabila diperlukan.
2. Berdasarkan ikatan amanah tanah Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU yang bertarikh 31 Julai 1924 dan Masjid Bakar Kapor yang hanya wujud pada tahun 1986 berbanding Masjid Penaga yang lebih awal wujud bagi tujuan ibadah kepada anak-anak qaryah Penaga. Mesyuarat berpandangan ikatan amanah tersebut menyebut secara umum dan tidak menjadi kesalahan bagi mana-mana pihak yang difikirkan patut oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan hasrat pewakaf tersebut.

3. Pegawai tadbir agama hendaklah mengadakan perbincangan bersama jawatankuasa qaryah Masjid Penaga dan Masjid Bakar Kapor bagi tujuan penyelarasan dan memaklumkan bahawa tanah Lot 694 iaitu tanah wakaf bagi tujuan perkuburan yang ketika ini berada dalam qaryah Masjid Bakar Kapor turut menjadi hak anak-anak qaryah Masjid Bakar Kapor untuk dikebumikan mayat di tanah perkuburan tersebut kerana ketika hasrat pewakaf dibuat Masjid Bakar Kapor belum lagi diwujudkan dan Masjid Bakar Kapor turut termasuk di dalam qaryah Penaga pada asalnya.
4. Mesyuarat memberi kebenaran bagi tujuan dijadikan tempat meletak kereta untuk sementara di Lot 2168, Mk. 4, Daerah SPU di samping berusaha untuk menjanakan hasil di atas tanah berkenaan seperti yang telah dinyatakan di dalam ikatan amanah sebagai hasrat pewakaf.

(15 Februari 2017)

Mewakafkan Tanah dan Rumah oleh Puan Hajah Salmiah binti Hj. Abu Bakar, Atas Lot 3945, Mk. 4, SPU

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2008 yang bersidang pada 12 September 2008 telah membincangkan berkenaan permohonan untuk mewakafkan tanah dan rumah oleh Puan Hajah Salmiah binti Hj. Abu Bakar, atas Lot 3945, Mk. 4, SPU. Mesyuarat mengambil keputusan seperti berikut:

1. Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih di atas niat baik Puan Hajah Salmiah binti Hj. Abu Bakar yang hendak mewakafkan tanah dan rumah tersebut.
2. MAINPP tidak boleh melakukan proses mewakafkan tanah dan rumah tersebut kerana pewakaf tidak mampu menyerahkan barang yang hendak diwakafkan kepada

penerima wakaf, kerana barang yang hendak diwakafkan itu masih dalam cagaran Kerajaan Malaysia.

(12 September 2018)

Cadangan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Perkuburan di Atas Sebahagian Lot 3857 (GM 2786), Mk. 3 Daerah SPU untuk Tujuan Awam

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2018 yang bersidang pada 5 dan 6 Disember 2018 telah memutuskan:

1. Hukum bagi pengambilan balik tanah wakaf perkuburan di atas sebahagian Lot 3857 (GM 2786), Mk. 3 Daerah SPU untuk tujuan awam iaitu projek membina jalan dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dari Permatang Pak Elong (Sek.773) hingga Jambatan Merdeka (Sek.782) adalah harus, dengan syarat ia diganti (*istibdal*) dengan tanah yang lain.
2. Tanah yang *diistibdal* hendaklah sama atau lebih baik dari tanah yang telah diambil dari sudut keluasan tanah, kesuburan, nilai harga dan potensi manfaatnya serta mestilah tanah itu pada tempat yang sama (berhampiran kawasan tersebut) atau lebih baik dari tempat asalnya.
3. Harga pampasan tanah yang dibuat pengambilan hendaklah mengikut nilai dan harga tanah semasa.
4. Baki tanah yang ditinggalkan dalam keadaan berpaya dan semak samun adalah tidak lagi sesuai untuk tujuan wakaf perkuburan dan pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hendaklah memohon agar pihak terbabit mengambil keseluruhan tanah tersebut.
5. Wang pampasan berjumlah RM847,463.37 tidak harus digunakan bagi tujuan penambunan dan penyelenggaraan

baki tanah perkuburan sedia ada kerana tidak menepati syarat *istibdal*.

6. Wang pampasan hendaklah digunakan bagi membeli *ain* kekal menggantikan tanah perkuburan tersebut sebagai *istibdal*.
7. Semua tanah wakaf termasuk wakaf *irsod* hanya boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atas dasar keperluan yang mendesak dan untuk tujuan *masalah ammah* sahaja. Tanah-tanah yang diambil hendaklah diganti semula (*istibdal*), iaitu diganti dengan tanah yang sama atau lebih baik dari segi nilai dan manfaatnya. Ia bagi mengelakkan tanah umat Islam yang terhad daripada berkurangan atau mengecil saiznya.

(2 Disember 2018)